



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61

9hb Mac 2017

No. 10

No. 4620.

AKTA SYARIKAT 2016

COMPANIES ACT 2016

ARAHAN MENTERI DI BAWAH PERENGGAN 26(1)(d) DAN SEKSYEN 564

DIRECTION OF THE MINISTER UNDER PARAGRAPH 26(1)(d) AND SECTION 564

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 26(1)(d) dan seksyen 564 Akta Syarikat 2016, Menteri mengarahkan Pendaftar Syarikat supaya tidak menerima untuk pendaftaran sesuatu nama sesebuah syarikat atau syarikat asing sekiranya nama itu suatu nama ataupun nama daripada jenis yang disebutkan dalam Jadual melainkan kelulusan Menteri telah diperolehi terlebih dahulu.

JADUAL

- (i) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan ahli Keluarga Diraja atau naungan Diraja termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "Diraja", "Raja", "Permaisuri", "Putera", "Puteri", "Mahkota", "Raja Muda", "Yang/Maha Mulia".
- (ii) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan, badan berkanun, pihak berkuasa atau agensi kerajaan atau mana-mana majlis perbandaran ataupun pihak berkuasa tempatan yang lain termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "Persekutuan", "Negeri", "Nasional".

- (iii) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu Kerajaan Negara ASEAN, Komanwel atau kerajaan asing atau dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun dengan mana-mana pertubuhan antarabangsa atau kartel termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "ASEAN", "UNESCO", "NATO", "EEC", "OPEC".
- (iv) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu parti politik, pertubuhan, kesatuan sekerja, koperasi atau persatuan pembinaan.
- (v) Nama-nama yang termasuk perkataan-perkataan yang berikut atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya:
- "Amanah", "Amanah Saham", "Bank", "Bursa", "Bumiputra", "Biro", "Buatan Malaysia", "Dewan Perniagaan dan Perindustrian", "Dewan Pengeluaran", "Eksekutor", "Harga Patut", "Institut", "Insurans", "Jaminan", "Jurubank", "Kewangan", "Khazanah", "Kredit", "Kolej", "Majlis", "Pengguna", "Pelaburan", "Pejabat Pendaftaran", "Pajakan", "Perdana", "Tauliah", "Tabung", "Universiti", "Urusan Bank", "Yayasan".
- (vi) Nama-nama yang mengelirukan dari segi identiti, jenis, objek-objek atau tujuan-tujuan sesebuah syarikat atau yang mengelirukan dengan apa jua cara lain.
- (vii) Nama-nama yang mencerca atau yang mungkin dianggap menghina oleh orang-orang awam.

2. Pemberitahuan *Warta* No. 716 bertarikh 30 Januari 1997 adalah dimansuhkan.

Dibuat 26 Januari 2017
[KPDNKK 600-1/2/30]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan*

In exercise of the powers conferred by paragraph 26(1)(d) and section 564 of the Companies Act 2016, the Minister directs the Registrar of Companies not to accept for registration any name of a company or a foreign company that is a name or a name of kind mentioned in the Schedule unless prior approval of the Minister has been obtained.

SCHEDULE

- (i) Names suggesting connection with a member of the Royal Family or Royal patronage including names containing such words as "Royal", "King", "Queen", "Prince", "Princess", "Crown", "Regent", "Imperial".

-
- (ii) Names suggesting connection with a State or Federal government department, statutory body, authority or government agency or any municipality or other local authority including names containing such words as “Federal”, “State”, “National”.
 - (iii) Names suggesting connection with any ASEAN, Commonwealth or foreign government or with the United Nation or with any other international organisation or cartel including names containing such words as “ASEAN”, “UNESCO”, “NATO”, “EEC”, “OPEC”.
 - (iv) Names suggesting connection with any political party, society, trade union, co-operative society or building society.
 - (v) Names including the following words or any words of like import:
 - “Bank”, “Banker”, “Banking”, “Bumiputra”, “Bureau”, “Chamber of Commerce and Industry”, “Chamber of Manufacturers”, “Chartered”, “College”, “Consumer”, “Council”, “Credit”, “Exchange”, “Executor”, “Fair Price”, “Finance”, “Foundation”, “Fund”, “Guarantee”, “Institute”, “Insurance”, “Investment”, “Leasing”, “Made in Malaysia”, “Prime”, “Registry”, “Treasury”, “Trust”, “Unit Trust”, “University”.
 - (vi) Names that are misleading as to the identity, nature, objects or purposes of a company or in any other manner.
 - (vii) Names that are blasphemous or likely to be offensive to members of the public.
2. *Gazette* Notification No. 716 dated 30 January 1997 is repealed.

Made 26 January 2017
[KPDNKK 600-1/2/30]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
*Minister of Domestic Trade,
Co-operative and Consumerism*